

# UMS Link Holdings dan Goldenmas Development Sdn Bhd jadi rakan kongsi strategik Bangun projek komersil di Alam Mesra

UB 19/10/2011 B5

Oleh YAP SIONG HAN  
sionghan\_yap@yahoo.com

KOTA KINABALU: UMS Link Holdings Sdn Bhd membentuk satu rakan kongsi strategik bersama Goldenmas Development Sdn Bhd setelah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi pembelian, bina, pajak dan pindah milik.

Pengerusi Kumpulan UMS Link Holding, Datuk KY Mustafa berkata perjanjian itu merupakan yang pertama dibuat oleh syarikat universiti awam di negara ini.

Katanya, perjanjian itu melibatkan urusan yang dibangunkan oleh pihaknya iaitu The UMS Link International Precinct Project (UIP) yang akan dimulakan pada bulan April tahun depan dan dijangka siap pada tahun 2015.

“Projek ini akan dibangunkan di kawasan tanah komersil seluas lima ekar Alam Mesra, Jalan Sulaman Coastal.

“Projek ini terdiri daripada sebuah menara pejabat setinggi enam tingkat, sebuah



**BERTUKAR DOKUMEN...Mustafa (dua kanan) bertukar dokumen MoU dengan Yazid, sambil disaksikan oleh Hamid (tengah) kelmarin.**

hotel yang dilengkapi 95 buah bilik dan sebuah kolam renang, menara pangsapuri yang mempunyai 160 unit dan terdiri dari tiga dan dua bilik tidur, sebuah pusat perubatan pakar dengan 100 buah katil, galeri pameran, satu mini-teater, tapak-tapak komersil dan lain-lain.

“Pembangunan projek ini juga akan dibangunkan

dengan teknologi mesra alam agar tidak mencemarkan alam sekitar,” katanya ketika berucap pada Majlis Tandatangani MoU Beli, Bina, Pajak dan Pindah Milik di antara UMS Link Holding dan Goldenmas Development di sini kelmarin.

Menurut Mustafa, kos pembinaan UIP akan menelan belanja sebanyak

RM172 juta dan kemudahan infrastruktur dan fasiliti yang disediakan bukan sahaja akan memberikan faedah kepada pelajar antarabangsa tetapi juga mampu membantu mempromosi sektor pelancongan di Sabah.

Katanya, Goldenmas akan membeli tanah komersil seluas lima ekar dan akan dimajukan. Selepas

30 tahun, pihaknya akan ambaliali aset itu dan akan menguruskannya. Sama ada ia akan diuruskan secara persendirian atau pihak ketiga atau dengan syarikat Goldenmas, ia akan bincangkan 30 tahun kemudian.

Signifikasi Goldenmas Development dalam projek itu adalah untuk membantu

UMS Link Holding Holding menguruskan beberapa perkara seperti aspek kewangan, ia membolehkan universiti itu tidak bergantung semata-mata kepada peruntukan dari kerajaan.

Selain itu, Goldenmas juga akan membantumenarik lebih ramai pelajar antarabangsa contohnya dari negara China, Korea dan lain-lain. Projek itu juga mampu mewujudkan satu persekitaran di mana pendidikan merupakan satu budaya penting dalam menyokong universiti.

“UIP ini mampu memuatkan seramai 2,000 orang termasuk pelajar dan kakitangan dan kami ingin menyumbangkan sebanyak 60 peratus pendapatan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) secara skala beransur-ansur,” jelasnya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Projek Goldenmas Development, Mohamad Yazid Mohamad Hanifah, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egeh serta tetamu kehormat yang lain.